

25 FEB 2001

Abdullah-Pertemuan

JAWATANKUASA TEKNIKAL TIADA MANDAT SELESAI SYARAT PAS

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

KAHERAH, 25 Feb (Bernama) -- Syarat-syarat yang dikemukakan Pas sebelum ia mengadakan pertemuan dengan Umno tidak boleh diselesaikan oleh perbincangan di peringkat jawatankuasa teknikal kedua-dua parti, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ini kerana jawatankuasa berkenaan tidak mempunyai mandat untuk berbuat demikian, katanya.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah membuat satu pengakuan mengenai pertemuan itu iaitu kita sedia bincang, tak payah bawa syarat.

"Kalau tidak, ia akan hanya menjadi muzakarah di peringkat setiausaha agung kedua-dua parti. Itu bukanlah tujuannya," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri majlis ramah mesra dengan 1,000 pelajar Malaysia di Mesir di sini pada malam Sabtu.

Abdullah berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Ketiga Negara-negara D8 yang bermula hari ini.

Soal pertemuan Umno-Pas dibangkitkan pada sesi soal jawab yang diadakan selepas ucapan Abdullah pada majlis itu yang berlangsung di Asrama Malaysia Abbasiah.

Beliau berkata sememangnya Umno dan Pas mempunyai pendekatan berbeza dalam soal pembangunan umat Islam tetapi itu tidak harus menjurus kepada perbalahan sesama sendiri.

"Semua orang Islam mahu supaya Islam ditingkatkan di negara kita. Tetapi cara Umno untuk mencapai matlamat ini lain. Cara Pas lain. Tapi tak patutlah ini membawa kepada kita bergaduh," katanya.

Syarat-syarat yang dikenakan oleh Pas sebelum pemimpin tertinggi kedua-dua parti boleh bertemu adalah permintaannya supaya penerbitan Harakah dikembalikan dua kali seminggu dan bayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu dipulihkan.

Pas juga mahu cadangan Umno untuk menggugurkan perkataan "Islam" pada nama parti itu (Parti Islam Se-Malaysia) ditolak.

Pada sesi soal jawab itu, Abdullah turut menjawab soalan beberapa pelajar mengenai soal wang ihsan dan pembiayaan pendidikan.

Katanya kerajaan pusat akan terus menyalurkan wang ihsan demi kepentingan rakyat Terengganu walaupun perkara itu masih menjadi pertikaian.

"Saya ditugaskan bagi memastikan setiap sen pergi kepada rakyat Terengganu," katanya.

Dalam ucapannya, Abdullah berkata pembangunan yang berlangsung di Malaysia tidak terkeluar daripada Islam kerana ia dibuat demi kepentingan dan kemajuan rakyat.

Katanya dasar dan pendekatan kerajaan dalam usahanya memajukan orang Melayu dilaksanakan tanpa merampas apa-apa daripada bangsa lain.

-- BERNAMA

MAM NHA DC MAI